

Baca petikan di bawah. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikut.

Pusat Sumber

Pagi-pagi lagi, Amir telah sampai di sekolah. Dia mahu segera ke pusat sumber. Amir hendak meminjam buku. Kelmarin, Puan Intan ada menunjukkan buku baharu untuk pinjaman.

Pusat sumber sekolah dibuka mulai pukul 7.30 pagi hingga 2.00 petang. Murid-murid sekolah Amir selalu menghabiskan masa terluang mereka di pusat sumber.



Pusat sumber sekolah membenarkan setiap murid meminjam sebuah buku sahaja dalam satu-satu masa. Tempoh pinjaman ialah tujuh hari. Jika kita rajin ke pusat sumber, kita akan dapat banyak pengetahuan. Selain itu, pusat sumber juga menyediakan kemudahan Internet. Murid-murid dibenarkan melayari Internet dengan dibantu oleh pustakawan.

- 1 Ke manakah Amir pergi setelah sampai di sekolah?
Setelah sampai di sekolah, Amir _____.
- 2 Apakah yang dilakukan oleh Amir di pusat sumber?
Amir _____.
- 3 Selain meminjam buku, apakah kemudahan yang ada di pusat sumber?
Selain meminjam buku, pusat sumber menyediakan _____.
- 4 Apakah faedah yang boleh kita peroleh di pusat sumber?
Faedah yang boleh kita peroleh di pusat sumber _____.